

# Hadiah menarik kaki pancing sempena konvo USIM



22-25 November 2012

Tapak Pesta Konvo USIM 10 pagi - 10 malam

NILAI 11 Nov. - Wang tunai berjumlah RM8,750 dan pelbagai hadiah menarik bakal menjadi milik kaki pancing yang menyertai pertandingan memancing terbuka sempena Pesta Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Ke-10 di tasik universiti itu 25 November ini.

Penolong Pengurus Pengurusan Jenama Utusan Melayu (M) Bhd., Hazura Ahmad Halil berkata, pertandingan tersebut terbuka kepada orang ramai bermula pukul 8 hingga 12 tengah hari pada hari berkenaan.

“Pemenang tempat pertama berpeluang untuk membawa pulang wang RM2,500, manakala tempat kedua (RM2,000) dan ketiga (RM1,000) dan tempat keempat sebanyak RM500.

“Peserta yang berjaya menduduki tempat kelima hingga ke-20 akan mendapat RM150 sementara tempat 21 hingga ke-40 pula berpeluang menerima hamper,” katanya di sini hari ini.

Jelasnya, setiap penyertaan akan dikenakan yuran sebanyak RM30



**PELAJAR** Universiti Sains Islam Malaysia bergotong-royong membersihkan kawasan kampus sebagai persediaan menyambut pesta konvokesyen universiti itu di Nilai, semalam.

dan 250 peserta terawal berdaftar akan menerima baju-T pertandingan.

“Lebih menarik, 50 peserta juga berpeluang membawa pulang pelbagai jenis barangan elektrik menerusi program cabutan bertuah pertandingan ini.

“Sebarang pertanyaan berhu-

bung pertandingan itu boleh diajukan kepada Edd menerusi talian 013-3052811, Azie di talian 017-3727420, Shuk 013-2667011 atau Nor 019-3841009,” katanya.

Katanya, seramai 500 peserta dijangka menyertai pertandingan tersebut yang mempertandingkan satu kategori iaitu ikan terberat.